



SIARAN MEDIA

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK

MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA PERINGKAT NEGERI SARAWAK TAHUN 2020

31 OKTOBER 2020 (SABTU)

INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS TUN ABDUL RAZAK, KOTA SAMARAHAN

31 OKTOBER, KOTA SAMARAHAN: Seramai 200 peserta yang terdiri dari kakitangan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak (IPGKTAR), Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd., agensi kerajaan persekutuan dan negeri, rakan-rakan strategik, dan para pemenang program di dalam beberapa aktiviti sempena Hari Alam Sekitar Negara (HASN) telah menyertai Majlis Perasmian Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2020 di IPGKTAR, Kota Samarahan. Program ini adalah anjuran Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak, IPGKTAR dan syarikat Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd. bersempena dengan sambutan Hari Alam Sekitar Negara yang disambut pada setiap 21 Oktober dengan tema "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama".

Pelbagai aktiviti telah diadakan sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2020, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak dengan kerjasama Syarikat Trienekens (Sarawak) Sdn.Bhd. telah mengadakan pelbagai program seperti Pertandingan Kuiz Radio, Pertandingan Mewarna bersama murid-murid Tabika Kemas sekitar Bandaraya Kuching dan Samarahan, Pertandingan Reka Cipta Bahan Baru Daripada Bahan Buangan (*Creating new out of old*) di kalangan pelajar dari Community Based Rehabilitation Center Kuching, CBR (Social Welfare Council of Sarawak) dan Pertandingan Reka Cipta Video Alam Sekitar.

Selain itu, beberapa aktiviti lain juga telah dilaksanakan iaitu:

- i. Program "HASN Virtual Run 2020" dengan kerjasama Sarawak Energy Berhad yang melibatkan penyertaan seramai 100 orang;
- ii. Program "HASN – Tahukah Anda?" dengan kerjasama Sarawak Energy Berhad;
- iii. Program Kempen Pengumpulan Buangan Elektrikal Dan Elektronik dengan kerjasama Syarikat GVE Strategic Waste Sdn. Bhd. yang telah dan akan dilaksanakan di:
 - a. Metro City Matang pada 3 Oktober 2020;
 - b. Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak (IPGKTAR) pada pada 31 Oktober 2020; dan
 - c. Bahagian Bintulu pada 7 hingga 8 November 2020.
- iv. Bengkel Promosi Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) di Bahagian Kuching pada 12 November 2020 yang bertujuan membentuk persekitaran sekolah yang menitik beratkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di kalangan warga sekolah; dan
- v. Promosi program-program alam sekitar di Radio Sarawak Fm.

Program sambutan HASN dengan pelbagai aktiviti yang telah dan akan dilaksanakan adalah bertujuan menarik minat orang ramai menyertai program-program berteraskan penjagaan alam sekitar dan memupuk semangat mencintai alam sekitar yang bersih dan mengamalkan gaya hidup yang sihat. Justeru itu, semua pihak diseru untuk bersama-sama agensi kerajaan di dalam usaha pemuliharaan dan perlindungan alam sekitar untuk generasi kini dan akan datang.

Program dirasmikan oleh Yang Berusaha Tuan Haji Brahim Lumpu,
Residen Bahagian Samarahan

-TAMAT-